



02 AUG, 2024

Kastam rampas bonsai bernilai RM325,000

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Kastam rampas bonsai bernilai RM325,000

KLANG - Sebanyak 6,500 pokok hiasan termasuk bonsai bernilai RM325,000 dipercayai dari China yang cuba diseludup masuk berjaya dirampas ketika pemeriksaan di Pelabuhan Utara.

Penolong Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah, Norlela Ismail berkata, rampasan dibuat pada 6 Jun lalu oleh anggota Bahagian Penguatkuasaan Kastam susulan penahanan sebuah kontena.

"Pemeriksaan menemui 6,500 pokok hidup tanpa permit import dari Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis).

"Modus operandi kegiatan ini ialah membuat ikrar dagangan sebagai *Landscape Artificial Plants* atau pokok plastik melalui Borang Kastam 1," katanya ketika sidang akhbar di Pejabat JKDM Selangor di sini pada Khamis.



Norlela (kiri) menunjukkan pokok hiasan dirampas ketika sidang media di Pejabat JKDM Selangor pada Khamis.

Norlela berkata, pihaknya percaya tumbuhan hidup ini adalah untuk dijual di pasaran tempatan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 135(1)(a) Akta Kastam 1967," katanya. Dalam kes berasingan, Norlela

berkata, pihaknya merampas 381 kilogram (kg) tembakau bernilai RM43,832 termasuk duti dan cukai dalam sebuah kontena di Pelabuhan Utara pada 15 Jun lalu tanpa permit import.



02 AUG, 2024

Kastam rampas bonsai bernilai RM325,000

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KLANG - Sebanyak 6,500 pokok hiasan termasuk bonsai bernilai RM325,000 dipercayai dari China yang cuba diseludup masuk berjaya dirampas ketika pemeriksaan di Pelabuhan Utara. Penolong Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah, Norlela Ismail berkata, rampasan dibuat pada 6 Jun lalu oleh anggota Bahagian Penguatkuasaan Kastam susulan penahanan sebuah kontena. “Pemeriksaan menemui 6,500 pokok hidup tanpa permit import dari Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis).